

>>Kita perlu menghormati undang-undang sedia ada serta meletakkan keseluruhan kepercayaan kepada pihak berkuasa



Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

**B**aru-baru ini kita dikejutkan dengan insiden berkaitan sekumpulan lelaki dikatakan mengejar, mengepung dan memukul tanpa rasa kasihan seorang lelaki berusia 48 tahun selepas mangsa dikatakan melanggar sebuah kereta yang diletakkan di tepi sebuah gerai makan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau, di Pantai Dalam. Mangsa akhirnya mati di tempat kejadian dalam keretanya sendiri kerana dikatakan gagal mlarikan diri apabila dikejar.

Rata-rata masyarakat terkejut dan juga marah dengan tindakan kumpulan yang melakukan perbuatan kejam ini. Jelas ini satu kesalahan cukup serius dan tidak boleh dimaafkan. Tindakan mengambil undang-undang di tangan sendiri sehingga menyebabkan kematian dianggap perbuatan melampau dan kita tidak boleh membiarkan pekara seumpama ini berlarutan dalam masyarakat kita.

Ini kerana kita khuatir jika kita bertolak ansur atau berdiam diri lebih ramai lagi dengan sewenang-wenangnya akan mengambil undang-undang di tangan sendiri. Perbuatan ini wajar dilabel sebagai tindakan mencabuli hak dan undang-undang negara.

Situasi seperti ini tidak mustahil berulang kerana beberapa insiden yang berlaku sebelum ini juga dengan jelas membuktikan betapa rakyat kita sudah mula hilang pertimbangan dan tidak menghormati undang-undang negara ini. Misalnya, pada 3 Mac lalu seorang lelaki berusia 37 tahun maut dibelasah orang awam selepas diperdayai memecah masuk sebuah kediaman di Taman Lapangan Indah, Ipoh.

Malah sebelum itu pada 3 Februari pula negara dikejutkan dengan kejadian seorang pemandu van sekolah dibelasah sehingga mati kerana terlupa mengambil seorang murid sekolah agama di Kampung Sungai Udang, Klang. Dan banyak lagi kejadian seperti ini yang menyaksikan si penjenayah maut dibelasah orang awam kerana menyamun, mencuri telefon bimbit dan sebagainya yang jelas memperlihatkan betapa nilai pertimbangan dan kemanusiaan semakin hilang dalam masyarakat kita.

Hakikatnya kita tidaklah berniat untuk membela nasib orang yang melakukan jenayah. Penjenayah tetap penjenayah yang sememang

# Jangan mudah hilang pertimbangan

kejam, zalim dan tidak berperikemanusiaan. Kita setuju mereka perlu diadili dan dijatuhi hukuman berat dan setimpal mengikut segala jenayah yang mereka lakukan, namun apa yang kita tidak mahu lihat ialah orang awam mendahului tindakan pihak berkuasa dan mula menjatuhkan hukuman sendiri sesuka hati.

Perlu diingat jika kita buat demikian apa bezanya kita dengan penjenayah terbabit. Kita sepatutnya memberarkan pihak berkuasa menjalankan tugas sebaik yang mungkin. Untuk itu kita sepatutnya membantu pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan agar kes dapat diselesaikan dengan segera dan penjenayah dapat dibawa ke muka pengadilan supaya boleh dihukum mengikut lunas-lunas undang-undang sedia ada.

Ringkasnya kita perlu menghormati undang-undang sedia ada serta meletakkan keseluruhan kepercayaan kepada pihak berkuasa. Malah, rekod pihak polis dalam menyelesaikan sesuatu kes jenayah juga sudah cukup terbukti selama ini.

Kita tidak mahu merosakkan nilai-nilai murni dalam masyarakat kita yang selama ini cukup dikenali dengan pelbagai sifat terpuji seperti sentiasa patuh pada undang-undang, lemah lembut, sopan santun, bertolak ansur dan suka menolong orang.

Walaupun bukan majoriti yang terbabit, namun ia tetap memberikan gambaran dan imej tidak baik secara keseluruhannya.

Analisis mudah ia didorong oleh sifat emosi yang tidak dapat dikawal, mudah marah dan hilang pertimbangan. Ini menyebabkan si pelaku terlalu ghairah menuntut bella dan membalsah dendam kononnya mahu menjadi hero ataupun mencari keadilan segera kepada mangsa yang terlibat dalam sesuatu kejadian.

Persoalannya kenapa sekarang kita begitu mudah hilang pertimbangan? Apakah rakyat kita hari ini cukup tertekan dalam kehidupan sehari-hari sehingga emosi terlalu terganggu dan tidak stabil, sekali gus boleh mendorong untuk melakukan sesuatu di luar kebiasaan.

Menarik untuk kita nilai dan mengkaji aspek ini kerana ia membabitkan nilai-nilai norma dalam kehidupan sehari-hari rakyat kita yang sedang berhadapan dengan pelbagai isu sosial, politik dan juga ekonomi. Apapun kita faham

memang sukar untuk kita kawal emosi terutama apabila penjenayah melakukan sesuatu kepada orang yang kita sayangi lantas kita mula bertindak dan membalsah. Sekali lagi itu bukanlah alasan untuk kita mudah hilang pertimbangan.

Dalam konteks ini, penulis tertarik dengan cadangan agar Kementerian Pendidikan memperkenalkan semula subjek Pendidikan Sivil dalam silibus pembelajaran pada peringkat TADIKA hingga ke sekolah menengah sebagai usaha memperkuatkan penerapan nilai murni dalam kalangan rakyat negara ini.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, langkah itu dikatakan mampu memupuk nilai kemanusiaan seawal usia kanak-kanak, seterusnya membantu masyarakat agar tidak mudah hilang pertimbangan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Secara logiknya cadangan ini boleh dikatakan ada asas yang baik dan wajar dipertimbangkan oleh pihak kementerian selagi mana ia tidak membebankan anak kita di bangku sekolah.

Timbul juga persoalan apakah ini menunjukkan betapa ibu bapa gagal memberikan didikan sewajarnya kepada anak mereka? Apakah ini membuktikan ibu bapa gagal untuk menjalankan tanggungjawab melahirkan generasi yang berbudi bahasa, atau sistem pendidikan kita juga masih belum mampu untuk melahirkan masyarakat berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai kemanusiaan yang sewajarnya. Atau ini bukti kegagalan masyarakat kita secara keseluruhannya. Jelasnya kita perlu menangani kedua-dua pihak terbabit dalam isu ini iaitu penjenayah yang menjadi punca kepada masalah serta orang awam yang mengambil undang-undang di tangan sendiri.

Dalam pada itu, penulis mula terfikir apakah ini harga yang perlu kita bayar untuk menjadi rakyat sebuah negara maju seperti yang kita impikan. Kalau betul maka terlalu mahal harga yang kita bayar untuk menikmati sebuah pembangunan. Percayalah ketamadunan dan kemajuan sesebuah negara dan bangsa itu pada dasarnya diukur berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dimiliki oleh tamadun itu dan bukannya terletak pada kemajuan dan pembangunan fizikal semata-mata.



Justeru, kita berharap agar semua pihak akan ambil iktibar dengan insiden seperti ini supaya kita tidak mengulanginya. Janganlah sesekali kita dengan mudah mengambil undang-undang di tangan sendiri. Negara kita ada undang-undang dan jadilah warga yang sentiasa menghormati undang-undang dan menghayati serta membudayakan nilai-nilai murni sejagat.

Penulis Ketua Bahagian  
Hal Ehwal Pelajar UPM